

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.33 (75)  
Tarikh : 6 Julai 2015

**Ketua Pengarang  
Sin Chew Daily**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SIN CHEW DAILY BERTAJUK "SIJIL LAHIR DITULIS BERAGAMA ISLAM" BERTARIKH 01 JULAI 2015, RABU – M.S: 17**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menghargai maklum balas aduan berhubung dengan perkhidmatan JPN. Merujuk kepada isu Encik Lee Yu Kui berkaitan maklumat pada sijil lahir, JPN telah membantu dalam menguruskan pembetulan maklumat pada dokumen tersebut.

3. Pada 29/06/2015 Encik Lee Yu Kui telah pun hadir ke JPN Teluk Intan, Perak untuk mengemukakan pindaan di bawah Seksyen 27(2) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi membetulkan kesilapan dan pengubahan dalam daftar kelahiran. Permohonan tersebut telah diluluskan dan dokumen sijil lahir yang baharu diserahkan pada hari yang sama 29/06/2015.

4. Jabatan ini memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi beliau semasa berurusan dengan Jabatan ini. JPN akan memastikan kejadian seumpama ini tidak akan berulang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)